

Pembenihan awan diperluas

Bakal dilaksanakan di Selangor dan negeri utara Semenanjung

NORMAWATI ADNAN

PARIT

Operasi pembenihan awan (OPA) mungkin akan diperluas ke negeri-negeri lain termasuk di utara Semenanjung sekiranya keadaan jerebu semakin buruk.

Timbalan Menteri Te-

naga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis berkata, perkara itu tidak mustahil dilaksanakan memandangkan ada negeri yang mempunyai bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang tidak menentu.

"Pembenihan awan sebelum ini kita lakukan di Sarawak, kemudian Selangor dan mungkin kita akan lakukan sama di (negeri) sebelah utara.

"Bagaimanapun, berdasarkan bacaan indeks sekarang kita akan fokus di Selangor dahulu kerana bacaan IPU agak kurang sihat berbanding tempat-



Isnaraissah Munirah meminta orang ramai mendapatkan maklumat tepat menerusi Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS) yang dikemaskini setiap jam.

tempat lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Go

Nature 2.0 di Universiti Teknologi Petronas (UTP) Seri Iskandar semalam.

Beliau berkata, dalam situasi sekarang, semua pihak perlu bekerjasama dengan tidak memburukkan lagi keadaan sama ada menerusi berita tular yang tidak benar atau spekulasi menuding jari kepada Indonesia.

Katanya, baik Malaysia mahupun Indonesia secara diplomasi telahpun melakukan yang terbaik dalam menangani isu itu.

"Isunya bukan Malaysia atau Indonesia yang menjadi sumbernya, paling penting kebakaran itu perlu dipadam secepat mungkin.

"Ini termasuklah pembakaran sampah di belakang rumah, itu juga kita

larang sama sekali," katanya.

Mengulas gerakan #blowbackthehaze yang terhasil menerusi ciapan di satu akaun Twitter sejak 11 September lalu, Ahli Parlimen Kota Belud itu berkata, orang ramai tidak perlu panik dengan berita tular sedemikian.

"Adalah lebih baik kita mendapatkan maklumat menerusi Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS) yang dikemaskini setiap jam. Di ruangan itu kita boleh tahu titik panas, arah tiupan angin dan bacaan IPU dengan tepat," katanya.

FOTO: BERNAMA

KLK, Indonesia bekerjasama siasat kebakaran hutan

KUALA LUMPUR - Kuala Lumpur Kepong Bhd (KLK) akan bekerjasama dengan pihak berkuasa Indonesia berhubung siasatan terhadap kebakaran hutan di tanah milik anak syarikatnya, PT Adei Plantation and Industry (PT Adei).

Kelmarin, pihak berkuasa Indonesia menamakan PT Adei sebagai satu daripada syarikat berkaitan Malaysia yang diasiasat sebagai punca kebakaran hutan di rantau Riau.

Dalam kenyataan semalam, kumpulan itu mengesahkan berlakunya kawasan kebakaran yang menjejaskan 2.8 hektar daripada 14,400 hektar ladang yang diuruskan PT Adei dan ia berlaku semasa musim kering luar biasa de-

ngan hujan direkodkan hanya dua hari dalam tempoh 60 hari lepas.

"Pada masa ini, 4.25 hektar yang termasuk kawasan pengasingan telah disita untuk siasatan yang sedang dijalankan.


"PT Adei akan terus memberikan sokongan penuh kepada Kementerian Alam Sekitar dan Perhutanan Indonesia dan semua pihak berkuasa yang berkaitan untuk membantu dalam siasatan kes itu," katanya.

Selain itu, KLK mengakui kesungguhan kerajaan Indonesia dalam menghentikan masalah jerebu dan akan menyokong usaha itu.

"KLK ingin mengulangi bahawa ia melaksanakan dasar pembakaran sifar dan mematuhi sepenuhnya dasar ASEAN untuk semua operasi di ladangnya.

"Kumpulan ini mempunyai pasukan pemadam kebakaran yang dilengkapi peralatan di ladang-ladangnya dan telah menjalani latihan memadam kebakaran tahunan yang disahkan. Selain itu, sistem rondaan ketat dan turut membina menara api untuk memaklumkan mengenai mana-mana kejadian kebakaran," katanya.

Sebelum ini, Menteri Industri Utama, Teresa Kok Suh Sim telah menyatakan kebimbangan mengenai penyitaan tanah milik anak syarikat empat syarikat perladangan kelapa sawit milik Malaysia di Indonesia yang didakwa sebagai punca kebakaran hutan hingga menyebabkan jerebu di rantau ini. - Bernama



Gambar ini dirakam dari Bangunan Perdana Putra sekitar jam 11 pagi semalam ketika hujan lebat yang diharapkan mengurangkan keadaan jerebu di Putrajaya.

Isytihar darurat jika IPU lebih 500

SHAH ALAM - Pengisytiharan darurat jerebu hanya akan diumumkan sekiranya indeks pencemaran udara (IPU) melebihi bacaan 500 iaitu sangat bahaya.

Maklumat tindakan utama bakal dilaksanakan dalam Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan itu dikongsikan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) menerusi satu kenyataan semalam.

Menurut kenyataan itu, penutupan sekolah, tadika dan pusat jagaan kanak-kanak dilaksanakan serta-merta jika IPU mencatat bacaan lebih 201 iaitu sangat tidak sihat pada tahap Amaran 3A.

Pusat Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) akan beroperasi 24 jam jika keadaan jerebu berada pada tahap 3B pada bacaan IPU yang sama.

"Jika udara berada pada tahap bahaya iaitu bacaan IPU antara

301 hingga 400, Amaran Tegas 4 akan dikeluarkan supaya orang awam mengambil langkah berjaga-jaga. Operasi pembenihan awan (OPA) juga akan diteruskan.

"Apabila keadaan jerebu memasuki Tahap Kecemasan 5 iaitu pada bacaan IPU 400 hingga 500, tindakan pelan Amaran Tegas 4 diteruskan," tulis kenyataan itu.

Terdahulu, agensi terlibat sudah mengambil langkah pelaksanaan Amaran Awal 1A, Amaran Awal 1B dan Amaran Awal 2 apabila keadaan jerebu direkod bertambah buruk daripada bacaan IPU 101 hingga 200 (tahap tidak sihat).

Sebanyak 29 buah sekolah di Klang dan Hulu Langat, Selangor ditutup sejak kelmarin susulan jerebu dengan bacaan IPU yang dicatatkan menunjukkan kualiti tidak sihat.

BACAAN IPU SETAKAT JAM 7 PETANG SEMALAM

